



**1. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT II  
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.1-2-3 EB.4-5 [\$530 - \$1,625 SEBULAN]  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) i) 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang bersesuaian adalah kelebihan.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat III tidak kurang dari 5 tahun dan telahpun lulus peperiksaan Jabatan.

**ATAU**

- iii) Pernah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei dan sebagainya tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kacamata/kanta lekap lebih 100 Degree.

- c) Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun. (Melengkapkan pengalaman pekerjaan di profil PSC Recruitment).



## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGAWAL KESELAMATAN TINGKAT II:**

1. Melakukan tugas-tugas Kawalan Keselamatan yang melibatkan:
  - a) Rondaan.
  - b) Pemeriksaan.
  - c) Kawalan.
  - d) Pengawasan.
  - e) Perhubungan.
  - f) Catatan.
2. Membantu mengendalikan sistem keselamatan di dalam Pusat Kawalan secara bergilir apabila diarahkan.
3. Menahan mana-mana orang atau benda yang melanggar atau cuba melanggar peraturan keselamatan di dalam tempat-tempat keselamatan untuk diserahkan kepada pihak berkuasa (*Lawful Authority*).
4. Mengiringi (*escort*) mana-mana orang atau benda sebagaimana yang diarahkan.
5. Mengendalikan penyerahan dan pemulangan *Security Pass* kepada/daripada orang yang dikhaskan.
6. Melaksanakan tugas-tugas kawalan trafik di kawasan yang dikawal.
7. Menyelamatkan orang atau benda dalam kawasan kawalannya sewaktu kejadian kecemasan (*emergency*).
8. Membantu Pengawal Keselamatan atau mana-mana anggota Keselamatan menjalankan tugas-tugas mereka apabila diperlukan.
9. Menjalankan sebarang tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan dan *safety* yang diarahkan dari semasa ke semasa.